

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH  
(JASIN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 19.05.2016**

**Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH [ JASIN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan ekonomi, fiskal dan monetari negara apabila harga minyak mentah terkini sekitar usd40 setong dan nilai ringgit pula sekitar USD1=rm3.90.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kedudukan paras harga minyak mentah ketika ini masih rendah. Meskipun begitu, prestasi ekonomi, fiskal dan monetari negara terus menunjukkan trend positif. Seperti yang telah diumumkan baru-baru ini, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada suku pertama tahun 2016 telah berkembang sebanyak 4.2% disokong oleh kecergasan

aktiviti permintaan domestik serta prestasi perdagangan luar yang sederhana. Pelaburan swasta pada harga semasa mencatat pertumbuhan sebanyak 4.0% kepada RM53.6 bilion. Malahan, pelaburan langsung asing terus mencatat aliran masuk bersih yang menggalakkan sebanyak RM15 bilion (Q1 2015: RM9.9 bilion). Penggunaan swasta turut berkembang kukuh pada kadar 5.3% didorong oleh pendapatan boleh guna yang tinggi berikutan pasaran buruh yang stabil.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, harga minyak mentah dunia mencatat purata harga sebanyak USD34.36 setong dalam tempoh suku pertama tahun 2016. Kedudukan mata wang ringgit pula semakin pulih dan ringgit menambah nilai sebanyak 9.4% berbanding dolar AS dan antara 4.4% sehingga 9.0% berbanding semua mata wang serantau. Penambahan nilai ringgit disebabkan oleh sentimen pelabur yang lebih baik yang didorong oleh faktor luaran dan domestik. Faktor-faktor utama yang menyokong kekuatan ringgit termasuk kelemahan dolar AS berbanding mata wang lain. Penunjuk data-data ekonomi domestik yang lebih baik daripada jangkaan juga turut membantu meningkatkan sentimen pelabur dan menyumbang kepada peningkatan minat pelabur terhadap aset kewangan ringgit.

Walau bagaimanapun, sejak pertengahan bulan April 2016, harga minyak mentah dunia menunjukkan peningkatan yang positif, melepasi paras USD40 setong, dan pada 11 Mei 2016 harga minyak mentah dunia berada pada paras USD47 setong. Sungguhpun begitu, dalam tempoh Januari hingga 11 Mei 2016, harganya pula berada pada paras purata USD38 setong. Prospek harga minyak yang semakin baik ini sekiranya berterusan akan memberi impak positif kepada pendapatan eksport negara dan hasil Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana yang ditunjukkan dalam pencapaian suku pertama 2016, ekonomi negara dijangka terus berkembang, disokong oleh asas ekonomi yang meluas, kekukuhan daya tahan dan peningkatan daya saing serta kedudukan kewangan negara yang mapan. Sehubungan itu, Kerajaan yakin pertumbuhan ekonomi bagi tahun 2016 dijangka kekal kukuh dan akan mencapai sasaran antara 4% hingga 4.5% bagi keseluruhan tahun 2016 (2015: 5%).

Dari segi kedudukan fiskal pula, setiap perubahan harga minyak mentah sebanyak USD1 setong akan menyebabkan hasil Kerajaan turut berubah sebanyak anggaran RM300 juta. Harga minyak mentah

dunia yang lebih tinggi daripada paras USD30 hingga USD35 setong akan membolehkan Kerajaan mencapai sasaran defisit fiskal pada paras 3.1% daripada KDNK bagi tahun 2016. Di samping itu, Kerajaan komited untuk terus melaksanakan program dan projek pembangunan terutamanya yang dapat merangsang pertumbuhan ekonomi domestik dan meningkatkan kebajikan serta kesejahteraan rakyat.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini, harga minyak mentah dunia kelihatan meningkat dan stabil pada sekitar paras melebihi USD40 setong. Namun begitu, tiada kepastian sama ada harga ini akan kekal sepanjang tahun. Oleh itu, Kerajaan masih mengekalkan andaian semasa pengubahsuaian Bajet 2016 di mana harga minyak mentah dunia dijangka pada paras USD30 - USD35 setong.